



KENYATAAN MEDIA MENTERI BELIA DAN SUKAN MALAYSIA

PEMBUKAAN SEKTOR SUKAN AIR DALAM KOLAM RENANG UNTUK TUJUAN LATIHAN BAGI ATLET DAN PESERTA PROGRAM LATIHAN TERTENTU MENGIKUT GARIS PANDUAN (SOP)

Saya telah membentangkan Cadangan Garis Panduan Standard (SOP) untuk Sukan Air Dalam Kolam Renang dalam Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Pelaksanaan PKP semalam, 18 Jun 2020 dan Mesyuarat telah bersetuju untuk membenarkan pembukaan sektor sukan air dalam kolam renang untuk aktiviti latihan tanpa sentuhan fizikal (*non-contact training*).

Aktiviti latihan renang (termasuk juga aktiviti latihan terjun dan latihan menyelam) dibenarkan di kolam renang mengikut sesi tertentu yang ditetapkan dan juga perlu dihadkan jumlah orang pada satu-satu sesi mengikut kapasiti kolam renang untuk 2 kategori peserta / perenang berikut:

- i) **Atlet Kebangsaan, Negeri dan perenang Kelab atau Akademi Renang dalam program-program latihan tertentu; dan**
- ii) **Peserta dalam program-program latihan berperingkat (seperti program *learn to swim*).**

Atlet / peserta dalam aktiviti latihan renang perlu mematuhi **14 perkara** dalam **SOP Am individu** seperti berikut (seperti juga dalam LAMPIRAN):

- i) Pendaftaran aplikasi MySejahtera;
- ii) Aktiviti latihan dilakukan di fasiliti yang mematuhi SOP;
- iii) Pastikan memakai *face mask* sebelum dan selepas aktiviti;
- iv) Pastikan aktiviti dilakukan di kawasan yang tidak terlalu ramai orang;

- v) Penjarakan sosial 1 hingga 3 meter untuk aktiviti statik dan 3 hingga 5 meter semasa aktiviti latihan (aktiviti dinamik) di dalam kolam renang;
- vi) Pastikan langkah-langkah kebersihan sebelum, semasa dan selepas aktiviti;
- vii) Dilarang meludah merata-rata;
- viii) Pastikan peralatan yang dikongsi dibersihkan, dinyahkuman dan disimpan dalam keadaan yang baik;
- ix) Meninggalkan premis / tempat latihan secepat mungkin selepas aktiviti latihan;
- x) Tidak bersalaman / bersentuhan dan kurangkan interaksi sosial;
- xi) Dilarang berkongsi air minuman, makanan, pakaian, tuala muka dan peralatan peribadi;
- xii) Aktiviti yang melibatkan kanak-kanak berumur 12 tahun dan ke bawah, golongan kelainan upaya (OKU), berkeperluan khas dan warga emas berumur 60 tahun dan ke atas adalah tidak digalakkan;

SOP Tambahan untuk Sukan Air dalam Kolam Renang

- xiii) Pastikan aktiviti latihan renang dilakukan di dalam kolam yang standard untuk latihan dan pertandingan; dan
- xiv) Pastikan pengguna terlebih dahulu membersihkan diri sebelum menggunakan kolam.

Operator Kolam Renang, Kelab dan Akademi Renang juga perlu mematuhi **22 perkara** dalam **SOP Am Pengurusan** seperti berikut (seperti juga dalam LAMPIRAN): -

- i) Pastikan imbasan QR (*QR Code*) dipaparkan bagi pendaftaran individu ke premis;
- ii) Pastikan operasi premis dimaklumkan melalui notification.miti.gov.my bagi tujuan pemantauan KBS;
- iii) Tatacara / SOP Dalaman Operator, Kelab dan Akademi yang bersesuaian selari dengan SOP MKN;
- iv) Individu yang tidak berkenaan **TIDAK DIBENARKAN** berada di dalam premis;
- v) Pastikan saringan suhu badan dilakukan setiap kali memasuki premis;

- vi) Pastikan kawalan bilangan minima petugas dan pengguna pada setiap sesi mengikut saiz kolam dan keluasan premis;
- vii) Pastikan kakitangan bertugas memakai *face mask*;
- viii) Pastikan operasi premis adalah secara berjadual;
- ix) Penjarakan sosial 1 - 2 meter ketika berada di premis;
- x) Penjarakan sosial semasa aktiviti statik: 1 - 3 meter, aktiviti dinamik: 3 – 5 meter;
- xi) Pastikan pengamalan kebersihan tangan;
- xii) Pastikan penandaan dan pandu arah yang jelas;
- xiii) Pastikan peralatan yang digunakan dibersihkan dan dinyahkuman selepas penggunaan;
- xiv) Pastikan kaedah penyampaian maklumat adalah secara lisan tanpa melibatkan sentuhan fizikal (anggota badan) kepada pengguna premis;
- xv) Pastikan penggunaan bilik mandi / persalinan dihadkan bilangan pengguna yang minima serta dibersihkan secara kerap;
- xvi) Kemudahan tambahan seperti sauna, jacuzzi dan lain-lain **TIDAK DIBENARKAN**;
- xvii) Pembersihan dan nyahkuman premis dilakukan mengikut kekerapan penggunaan;
- xviii) Pastikan tatacara pengendalian kes kecemasan disediakan;

SOP Tambahan untuk Sukan Air dalam Kolam Renang

- xix) Pastikan pengguna yang menghidap penyakit berjangkit yang bahaya dan penyakit kulit **DILARANG** mandi di kolam renang;
- xx) Pastikan pengguna terlebih dahulu membersihkan diri sebelum menggunakan kolam renang;
- xxi) Parameter dan nilai piawai bagi kualiti air adalah tertakluk kepada Garis Panduan Pemantauan Kualiti Air Kolam Renang yang terkini yang dikeluarkan oleh KPKT dan KKM; dan
- xxii) Pastikan ujian klorin air dalam kolam renang dilakukan setiap 2 jam operasi.

Pembukaan kolam renang untuk aktiviti latihan sukan akan **berkuatkuasa** mulai **Khamis minggu hadapan (25 Jun 2020)** untuk memberi sedikit masa kepada operator kolam renang, kelab dan akademi renang untuk membuat persiapan yang rapi,

menyediakan SOP dalaman yang bersesuaian serta untuk tujuan pembersihan kolam renang dan premis.

Operator kolam renang, kelab dan akademi renang juga perlu **membuat pendaftaran notifikasi** pembukaan kolam renang dengan MITI di laman web NOTIFICATION.MITI.GOV.MY untuk tujuan pematuhan kepada SOP dan untuk tujuan pemantauan oleh KBS.

Bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan semua penggiat industri sukan air, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Menteri Kanan Pertahanan YB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, dan Ahli Mesyuarat Khas Menteri-Menteri kerana telah meluluskan permohonan pembukaan sektor sukan air dalam kolam renang ini secara beransur-ansur bermula dengan latihan tanpa sentuhan fizikal (*non-contact training*) untuk atlet / perenang di semua peringkat dan juga kebenaran untuk kelab dan akademi renang yang mengendalikan program-program latihan untuk kembali beroperasi.

**DATO' SRI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN
MENTERI BELIA DAN SUKAN MALAYSIA**

19 Jun 2020